

**NO. SOALAN: 170**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**RUJUKAN : 7715**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kes kemalangan jalan raya di seluruh negara yang dicatatkan di seluruh negara dan punca utama berlakunya kemalangan ini; dan
- (b) tindakan dan program untuk mengatasi perkara ini.

**JAWAPAN:**

Bagi menjawab soalan (a), kemalangan jalanraya secara prinsipnya boleh dielakkan atau dicegah memandangkan kes kemalangan jalanraya kebanyakannya berlaku disebabkan sikap pengguna jalanraya itu sendiri dan hanya sebilangan kecil sahaja disebabkan oleh faktor lain seperti jalanraya yang merbahaya dan kerosakan kepada kenderaan.

Secara statistiknya, perbandingan kes kemalangan jalanraya bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

<b>KEMALANGAN</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>BEZA</b>	<b>PERATUS</b>
MAUT	6,308	6,187	-121	-1.9%
PARAH	3,567	3,477	-90	-2.5%
RINGAN	6,523	7,099	576	8.8%
ROSAK	460,806	459,433	-1,373	-0.3%
<b>JUMLAH</b>	<b>477,204</b>	<b>476,196</b>	<b>-1,008</b>	<b>-0.2%</b>

<b>KECEDERAAN</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>BEZA</b>	<b>PERATUS</b>
MATI	6,915	6,674	-241	-3.5%
PARAH	4,597	4,432	-165	-3.6%
RINGAN	8,388	8,598	210	2.5%
<b>JUMLAH</b>	<b>19,900</b>	<b>19,704</b>	<b>-196</b>	<b>-1.0%</b>

Melihat kepada statistik kemalangan di Malaysia sejak tahun 2010 yang lalu, penyumbang utama kes-kes melibatkan kemalangan di Malaysia adalah faktor kecuaiian manusia yang sukar untuk diatasi. Faktor kecuaiian manusia boleh dikaitkan dengan perlakuan pemanduan seperti berikut:-

- i) Kurang memberikan tumpuan ketika memandu;
- ii) Tiada sikap sabar ketika memandu;
- iii) Mudah timbul sikap panas baran semasa memandu;
- iv) Sering tergesa-gesa semasa memandu;
- v) Hilang sikap bertolak ansur;
- vi) Suka menunjuk-nunjuk semasa memandu; dan
- vii) Gemar melakukan ubahsuai terhadap komponen kenderaan tanpa sebarang kelulusan dan menjejaskan fungsi kenderaan sehingga menyebabkan kemalangan.

Bagi menjawab soalan (b), antara langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kemalangan yang melibatkan kematian seperti berikut:-

- 1) Perancangan dan tindakan Kementerian melalui PDRM dalam menangani isu kemalangan jalanraya masih tertumpu kepada pendekatan 5E, iaitu *Enforcement, Education, Engineering, Environment, dan Evaluation*. Bagi PDRM, elemen 5E yang menjadi fokus ialah *Enforcement*. Misi PDRM ke arah ini adalah untuk menyemai “budaya pemanduan yang mematuhi peraturan lalulintas” di

kalangan pengguna jalanraya. Pendekatan yang diterap berkonsepkan strategi *Carrot and Stick* iaitu “memberi peluang secukupnya kepada orang ramai agar tidak melakukan kesalahan sebelum tindakan tegas diambil” kepada semua pengguna jalanraya.

2) Program mendidik orang ramai daripada melakukan kesalahan melalui pendekatan pencegahan. Di antara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah:-

a) Sejak 1 Mac 2011, PDRM telah melaksanakan tindakan memberi amaran awal dalam menguatkuasakan kesalahan memandu melebihi had laju yang dibenarkan dengan cara beroperasi di kawasan-kawasan yang mempunyai papan tanda amaran “ZON OPERASI HAD LAJU/ KAMERA” atau dengan meletakkan papan tanda “AWAS. OPERASI HAD LAJU/ KAMERA” sebelum pemandu tiba di lokasi di mana alat perangkap kelajuan dikendalikan oleh anggota PDRM. Bagi mereka yang masih berdegil setelah peluang secukupnya ini diberi, maka tidak keterlaluan sekiranya saman dikeluarkan.

b) Meningkatkan publisiti mengenai isu kemalangan jalanraya melalui media massa. Sejak awal tahun 2011, PDRM telah menghadiri lebih 10 sesi

wawancara dalam siaran televisyen tidak termasuk publisiti melalui akhbar dan radio.

- c) Meningkatkan persepsi pengguna jalanraya bahawa mereka sentiasa diawasi. Pendekatan yang digunakan adalah mempamer kehadiran polis menerusi operasi-operasi yang dikenali ramai seperti OPS SIKAP dan OPS SAMSENG JALANAN.
  - d) PDRM turut bekerjasama dengan agensi-agensi bukan Kerajaan dalam melaksanakan kempen keselamatan jalanraya seperti program *RIDE IT RIGHT* dan bersama persatuan *RIDERS UNITED* bagi menangani isu "Samseng Jalan", Syarikat TM dan PLUS khususnya ketika musim-musim perayaan serta beberapa badan bukan Kerajaan yang lain.
- 3) Program penguatkuasaan holistik secara bersepadu antara agensi khususnya bagi memastikan orang ramai tidak keliru mengenai tindakan berasingan antara agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Cawangan Narkotik PDRM dan beberapa agensi lain yang berkaitan.
- 4) Selain dari pelaksanaan konsep 5E, pihak trafik PDRM turut melaksanakan pendekatan baru iaitu strategi pelaksanaan MS ISO 39001 RTSMS (*Road Traffic Safety*

**(RTS) Management Systems) yang meletakkan sasaran menurunkan 2% kadar kematian bagi setiap 10 ribu kenderaan berdaftar berbanding tempoh sebelumnya. Kontinjen Kuala Lumpur merupakan kontinjen pertama melaksanakan projek ini dan telah mendapat persijilan MS ISO 39001 RTSMS pada 20 Disember 2013 dari pihak SIRIM. Pihak PDRM akan memperluaskan program MS ISO 39001 RTSMS ke seluruh negara pada tahun 2015. Pihak PDRM merupakan agensi penguatkuasa yang pertama mendapat persijilan ini.**

**Menyedari hakikat ini, PDRM tidak sama sekali berputus asa dan akan terus berusaha mendidik pengguna jalanraya agar mematuhi undang-undang dan peraturan jalanraya melalui pendekatan penguatkuasaan berhemah serta kolaborasi merentasi Kementerian. Selain menumpukan kepada elemen *ENFORCEMENT*, PDRM turut terlibat dalam proses menambahbaik isu-isu perundangan, kejuruteraan dan pendidikan. Kesan limpahan dengan adanya PDRM khususnya Cawangan Trafik di jalanraya, kejadian-kejadian jenayah jalanan dan ketenteraman awam turut berupaya dicegah. Matlamat akhirnya, wujudnya PDRM di atas jalanraya bukan sekadar untuk mengurangkan kemalangan jalanraya, tetapi dari sudut yang lebih holistik, peranan PDRM di jalanraya adalah untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalanraya. Atau dengan kata lain, peranan PDRM adalah untuk melindungi nyawa dan harta benda pengguna jalanraya.**